


Headline	Membantu vendor tempatan jana ekonomi		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	28 Jun 2021	Readership	246,756
Circulation	82,252	Page No	9
Section	Nasional	Journalist	Saadiah Ismail
ArticleSize	838 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 83,244		



# Membantu vendor tempatan jana ekonomi

**Evolusi peralihan tenaga buka peluang perniagaan, pekerjaan kepada seluruh rakyat**

Oleh Saadiah Ismail

saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peranan dan sumbangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejak ditubuhkan lebih 71 tahun lalu begitu besar terhadap masyarakat dalam memastikan semua orang menikmati kehidupan yang selesa.

Justeru, bekalan elektrik yang stabil dan kukuh dianggap tulang belakang kepada kemajuan negara memandangkan pelbagai usaha pemodenan negara dicapai melalui bekalan elektrik berdaya harap.

Pelbagai inisiatif dilakukan TNB bagi meningkatkan keupayaan dan daya harap bekalan elektrik dalam merancakkan kegiatan ekonomi negara.

Antara inisiatif dilaksanakan ialah pembangunan vendor tempatan yang dilihat mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Di bawah Tempoh Kawal Selia 2 (RP2) 2018-2020, sebanyak RM7.4 bilion nilai kontrak diperuntukkan, termasuk RM6.9 bilion di bawah Program Pembangunan Vendor.

Selain itu, inisiatif utama lain ialah pemasangan meter pintar yang sudah mencapai 1.2 juta pemasangan setakat Jun 2021 di Lembah Klang, Putrajaya, Cyberjaya dan Melaka yang mana 80 peratus daripada vendor terbabit terdiri daripada Bumiputera dengan nilai kontrak sebanyak

RM350 juta.

Pasti masih banyak ruang untuk diceburi oleh sebahagian 800 vendor dan 30 pengilang tempatan yang berdaftar dengan TNB bagi mencapai sasaran pemasangan kira-kira 9 juta meter pintar di seluruh Semenanjung.

Bukan setakat itu sahaja, TNB turut menyokong pertumbuhan vendor tempatan menerusi program Vendor Upskilling yang diadakan khusus bagi meningkatkan kompetensi serta keupayaan teknikal mereka.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata sejak empat tahun lalu, TNB memperuntukkan puara RM8 bilion setahun untuk pengagihan projek berkaitan pembekalan elektrik.

Katanya, sejak 20 tahun lalu, jumlah vendor Bumiputera yang mendapat manfaat daripada projek dilaksanakan TNB, berkembang kepada 53 peratus dan TNB akan terus menyokong peningkatan penyertaan mereka pada masa akan datang.

“Kita akan pastikan supaya pembabitan vendor tempatan bukan hanya pada produk asas, tetapi juga produk yang mempunyai nilai tambah asalkan mereka berkeupayaan, berkemam-puan dan memenuhi keperluan.

“Ketika ini, TNB sedang rancak mengorak langkah menjadi pereraju peralihan industri tenaga daripada penjanaan berdasarkan bahan api fosil kepada tenaga boleh baru berunsurkan teknologi pintar yang mana ia memerlukan revolusi sistem pembekalan elektrik untuk menampung perubahan ekosistem tenaga.

“Justeru, pelbagai inisiatif dilakukan TNB, termasuk pembangunan Grid Masa Hadapan dan Pemodenan Rangkaian Pembahagian bagi menyediakan infrastruktur yang akan menjamin pro-

dukтивiti, kecekapan dan daya harap rangkaian bekalan elektrik,” katanya.

Antara inisiatifnya ialah pemasangan meter pintar yang membolehkan penggunaan elektrik diketahui secara harian dan mempunyai keupayaan untuk menyediakan ciri-ciri nilai tambah pada masa hadapan kepada pengguna.

Menerusi projek meter pintar ini, ia memberi peluang kepada pengilang dan pembekal tempatan memenuhi keperluan infrastruktur komunikasi serta perisian berkaitan, dengan nilai perolehan melebihi RM1.5 bilion untuk tempoh tiga hingga empat tahun akan datang.

Baharin berkata, inisiatif lain merangkumi pembangunan teknologi grid pintar dengan ciri-ci-

ri *Internet of Things* (IoT) dalam usaha merevolusikan rangkaian bekalan elektrik seperti projek pemetaan *Geographic Information System* (GIS) yang menyaksikan 25 syarikat dibangunkan dengan keupayaan teknologi pemetaan data untuk aset TNB.

“Projek penggantian lampu awam dengan lampu LED juga memberi peluang kepada pembekal dan pengilang tempatan untuk tampil dengan produk ber teknologi tinggi dan sehingga kini, lebih 106 syarikat terbabit dengan projek lampu LED.

“Semua inisiatif yang dijalankan ini selaras dengan hasrat kerajaan dalam menjayakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 melalui Dasar Keusahawanan Nasional,” katanya.

Sementara itu, EXCO Penerangan dan Kewangan Persatuan Rakan Niaga Strategik Malaysia (Pernisma), Ismail Mohamed Isa berkata, TNB sentiasa progresif dalam memberi peluang kepada

Headline	Membantu vendor tempatan jana ekonomi		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	28 Jun 2021	Readership	246,756
Circulation	82,252	Page No	9
Section	Nasional	Journalist	Saadiah Ismail
ArticleSize	838 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 83,244		

vendor tempatan menyertai pemasaran berkaitan industri tenaga negara.

“Sejak dahulu, TNB sentiasa membuka peluang kepada vendor tempatan, kini dengan pelbagai inisiatif yang sedang dirancang TNB, saya yakin peluang akan sentiasa terbuka bagi vendor tempatan terbabit sama,” katanya.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pestech International Berhad, Paul Lim, berkata di pihak vendor begitu mengalu-alukan usaha TNB untuk membabitkan vendor tempatan dalam usaha pemodenan sistem bekalan elektrik yang sedang dilaksanakan.

“Pembabitan kami dengan TNB bermula sejak 2000 melalui pembekalan dalam bidang Rangkaian Pembahagian, meter pintar dan *switchgear* dan kini revolusi TNB memberi peluang vendor tempatan meneroka bi-

dang perbekalan dan pembuatan berasaskan teknologi terkini,” katanya.

Wakil syarikat ABB Malaysia Sdn Bhd, Putri Rosshilawati Abdul Latip pula berkata, sokongan TNB terhadap vendor tempatan mencerminkan usaha menyeluruh semua pihak untuk memulihkan ekonomi negara akibat pandemik COVID-19.

“Usaha merancakkan ekonomi kini amat perlu bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengan impak pandemik COVID-19.

Apa yang TNB lakukan dengan inisiatif mereka amat bertepatan kerana ia membuka peluang perniagaan dan pekerjaan kepada seluruh rakyat,” katanya.

Sementara itu, wakil Madetill (M) Sdn Bhd, Muklisyah Haron, berkata program sebegini amat membantu terutamanya vendor baharu kerana banyak maklumat terkini berkaitan perniagaan dan hala tuju TNB dikongsikan kepada mereka.

“Maklumat terkini usaha dan hala tuju TNB amat penting bagi vendor yang ingin meneroka bidang pembuatan atau pembekalan yang diperlukan oleh industri tenaga seterusnya menyokong pertumbuhan vendor tempatan,” katanya.

Melihat kepada sokongan dan pembabitan positif vendor tempatan ini dan dalam usaha mem-

beri pendedahan dan penerangan terkini mengenai hala tuju dan peluang perniagaan ekonomi baharu, TNB menganjurkan Hari Terbuka Vendor TNB di Ibu Pejabat TNB Jalan Bangsar, Kuala Lumpur, April lalu.

Lebih 150 syarikat vendor hadir bagi mengetahui potensi perniagaan terutamanya berkaitan pembangunan Grid Masa Hadapan yang merangkumi inisiatif Pemodenan Rangkaian Pembahagian dan Pendigitalan Grid.

**Kita akan pastikan supaya pembabitan vendor tempatan bukan hanya pada produk asas tetapi juga produk yang mempunyai nilai tambah**

**Baharin Din,**  
Presiden dan  
Ketua Pegawai  
Eksekutif TNB



**Dengan pelbagai inisiatif yang sedang dirancang TNB, saya yakin peluang sentiasa terbuka bagi vendor tempatan terbabit sama**

**Ismail Mohamed Isa,**  
EXCO Penerangan  
dan Kewangan  
Pernisma



Headline	Membantu vendor tempatan jana ekonomi		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	28 Jun 2021	Readership	246,756
Circulation	82,252	Page No	9
Section	Nasional	Journalist	Saadiah Ismail
ArticleSize	838 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 83,244		

“ Revolusi TNB memberi peluang vendor tempatan meneroka bidang perbekalan dan pembuatan berasaskan teknologi terkini ”

**Paul Lim,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan Pestech  
International  
Berhad



“ Apa yang TNB lakukan dengan inisiatif mereka amat bertepatan kerana ia membuka peluang perniagaan dan pekerjaan kepada seluruh rakyat ”

**Putri Rosshilawati  
Abdul Latip,**  
Wakil syarikat  
ABB Malaysia  
Sdn Bhd



Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid (dua dari kiri) mendengar penerangan mengenai penggunaan dron oleh bahagian Rangkaian Pembahagian TNB sambil diperhatikan Baharin (tiga dari kiri) dan Ketua Pegawai Perolehan TNB, Amir Mahmod Abdullah (kanan) pada Hari Terbuka Vendor TNB di Bangsar, April lalu.